

**16 MAC 2020 (ISNIN)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)**

---

**SHAH ALAM, 16 MAC 2020 (ISNIN)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.  
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

## 16 MAC 2020 (ISNIN)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrolrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

## 16 MAC 2020 (ISNIN)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

### **TIDAK HADIR (Dengan Maaf)**

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

**16 MAC 2020 (ISNIN)**

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**16 MAC 2020 (ISNIN)**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Izan binti Mohamad  
Taib  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Puan Nurul Liana binti Musa  
**Pelapor Perbahasan**

\

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Aturan Urusan Mesyuarat Bagi Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas pada 16 Mac 2020 dimulakan dengan Doa.

**I. DOA**

**II. PROKLAMASI**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Proklamasi Oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara (70) Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam Warta memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara (70) Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 16 Mac hingga 20 Mac 2020 dan 23 Mac hingga 27 Mac 2020 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi

## **16 MAC 2020 (ISNIN)**

Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Keempat Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 03 hari bulan Februari 2020.

[ DUN. Sel. 30287/12 Jld. 13 ]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dif-dif Kehormat dan para jemputan, dengan ini dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan untuk menyampaikan Titah Ucapan. Oleh itu saya menempatkan Dewan buat seketika.

### **( DEWAN DITANGGUHKAN SEKETIKA )**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Keberangkatan masuk Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor diiringi Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor serta Y.B. Tuan Speaker.

Dengan hormatnya dijemput Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor untuk mempersembahkan Titah Ucapan Diraja kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

### **( TITAH UCAPAN DULI YANG MULIA SULTAN SELANGOR )**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
dan Salam Sejahtera.

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negeri Selangor,

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya Beta dapat berangkat untuk menyempurnakan Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama Pembukaan Persidangan Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ke-Empat Belas (14) pada hari ini.

Negeri Selangor merupakan sebuah negeri termaju dan berprestij di Malaysia. Ini adalah kerana sepanjang kewujudan negeri ini, ianya ditadbir oleh mereka yang berkeupayaan dan komited memastikan negeri ini menikmati pembangunan serta pertumbuhan ekonomi pesat.



## 16 MAC 2020 (ISNIN)

Kestabilan dan kemakmuran ekonomi Selangor menjadikannya sebagai pemangkin ekonomi negara. Jumlah pelaburan dan perindustrian merekodkan prestasi yang cemerlang yang mana bagi tempoh Januari hingga September 2019, Selangor mencatatkan nilai pelaburan yang tertinggi dalam sektor perkilangan berbanding negeri-negeri lain di Malaysia dengan nilai pelaburan berjumlah Ringgit Malaysia Enam Belas Perpuluhan Empat Bilion (RM16.4 bilion) daripada Dua Ratus Tiga Puluh Dua (232) projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Selangor.

Selangor kekal menjadi destinasi pilihan untuk pelaburan, terutamanya dari Taiwan sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Perpuluhan Tiga Sembilan Bilion (RM3.39 Bilion), Jepun sebanyak Ringgit Malaysia Dua Perpuluhan Enam Tiga Bilion (RM2.63 Bilion) dan China sebanyak Ringgit Malaysia Satu Perpuluhan Tujuh Satu Bilion (RM1.71 bilion) dengan jumlah pelaburan langsung luar sebanyak Ringgit Malaysia Sebelas Perpuluhan Satu Tujuh Bilion (RM11.17 billion).

Pelaburan Dalam Negara yang diterima Selangor pada 2019 turut berada di kedudukan teratas mengatasi negeri-negeri lain dengan jumlah Ringgit Malaysia Lima Perpuluhan Dua Tujuh Bilion (RM5.27 Bilion). Natijah dari pelaburan -pelaburan tersebut telah menghasilkan sebanyak hampir Tujuh Belas Ribu (17,000) peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

Kerajaan Beta yakin kerancangan ekonomi yang sedang dinikmati Selangor akan diperkemaskan dan ditingkatkan dengan adanya Dasar Kelulusan 100 Hari yang mempermudah sebarang kelulusan perniagaan dan pelaburan atau *ease of doing business*. Dasar ini merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia dan akan merencanakan pertumbuhan sektor ekonomi di Selangor. Dasar Kelulusan 100 Hari ini merupakan penambahbaikan dari proses kelulusan yang sebelum ini mengambil masa hampir Dua Ratus Tujuh Puluh (270) hari.

Kerajaan Negeri mensasarkan jumlah pelaburan bernilai Ringgit Malaysia Dua Belas Bilion (RM12 Bilion) bagi tahun 2020. Walau bagaimanapun, keadaan ekonomi tahun ini dijangka suram akibat perang dagang China-Amerika Syarikat, ketidakstabilan politik di Timur Tengah serta yang terbaharu ancaman Covid-19.

Dijangka unjuran ekonomi yang lebih sederhana pada anggaran Tiga Perpuluhan Dua Peratus (3.2%) hingga Empat Perpuluhan Dua Peratus (4.2%).

Dewan Negeri Selangor telah meluluskan Belanjawan 2020 berjumlah Ringgit Malaysia Dua Perpuluhan Tiga Bilion (RM2.3 Bilion). Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Memanda Dato' Menteri Besar ini juga telah menggariskan lima (5) paksi teras iaitu keupayaan ekonomi, pendidikan, keselamatan dan kesihatan, alam sekitar dan sosial bagi mencapai objektif lima (5) tahun akan datang. Kerajaan Negeri akan berupaya untuk mencapai keseimbangan antara usaha ke arah negeri pintar serta kemampuan pembangunan sosial yang adil.

## 16 MAC 2020 (ISNIN)

Belanjawan 2020 dijangka akan mengalami defisit berjumlah Ringgit Malaysia Satu Ratus Tiga Puluh Tiga Juta (RM133,000,000) berpunca daripada peruntukan pembangunan yang diperlukan bagi pembangunan yang mampan.

Walau bagaimanapun, jumlah defisit ini menyaksikan penurunan berbanding jumlah defisit tahun 2019 yang diunjurkan iaitu Ringgit Malaysia Tiga Ratus Enam Puluh Juta (RM 360 juta). Antara perkara yang diberi keutamaan untuk dicapai oleh pentadbiran ini adalah penyempurnaan inisiatif Smart Selangor.

Beta difahamkan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Juta (RM50 juta) telah diperuntukkan bagi mencapai hasrat ini yang bakal mengubah lanskap pentadbiran awam.

Sehingga kini, inisiatif-inisiatif Smart Selangor yang telah dilaksana terus mendapat sokongan rakyat kerana mampu memberi impak secara langsung terutamanya di dalam sektor penyampaian perkhidmatan awam. Seperti aplikasi *mobile* 'Smart Selangor Parking' untuk kemudahan pembayaran parkir 'on-street', aplikasi 'Waze' mengenai aduan jalan-jalan yang rosak, aplikasi 'Selangor Intelligent Transport System' dan aplikasi *e-wallet*.

Program-program peduli rakyat seperti skim mikrokredit HIJRAH, Kasih Ibu Smart Selangor bahkan perkhidmatan Bas Smart Selangor semuanya merupakan *social venture* yang cuba menyelesaikan masalah yang sama yang digariskan di dalam *Sustainable Development Goals* (SDG) yang disyorkan oleh *United Nation Development Programme* (UNDP).

Kerajaan Beta berharap agar lebih ramai rakyat dapat memanfaatkan aplikasi-aplikasi ini di samping membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan permasalahan awam dengan lebih cepat.

Biodiversiti yang unik di Negeri Selangor perlu terus dipelihara dengan memastikan setiap perancangan dan pembangunan perlu dilaksanakan secara holistik bagi mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan pembentukan masyarakat yang sejahtera. Bagi tujuan tersebut, pada tahun 2020 Kerajaan Negeri akan memberi fokus kepada pewujudan Pusat Kitar Semula yang komprehensif di semua PBT dan Kampung Tradisi Terpilih di Negeri Selangor.

Seterusnya bagi memastikan kesan perubahan iklim serta pemanasan bumi dapat dikawal, Negeri ini harus memberi fokus kepada Pelaksanaan Tanam Pokok Dalam Bandar bagi melahirkan generasi akan datang yang menitikberatkan kepentingan memelihara alam sekitar.

## 16 MAC 2020 (ISNIN)

Kegiatan mengimport plastik terpakai oleh kilang-kilang kitar semula plastik terpakai yang mencemarkan alam sekitar harus dibanteras agar Negeri Selangor tidak menjadi pusat pengumpulan sisa plastik. Ini boleh dilaksanakan melalui kerjasama bersepadu antara agensi-agensi penguatkuasa termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor.

Selain isu plastik, beberapa insiden pencemaran sungai yang menyebabkan henti-tugas Loji Rawatan Air (LRA) dan gangguan bekalan air turut menjadi perhatian pihak Kerajaan Negeri. Kesemua insiden tersebut berjaya ditangani dalam tempoh 24 jam. Selain daripada itu, sebanyak sebelas (11) insiden kecemasan pencemaran sumber air telah berjaya dielakkan melalui tindakan pantas LUAS, Air Selangor, JAS dan lain-lain pihak terlibat daripada menyebabkan operasi LRA dan bekalan air terganggu.

Dalam hal ini, tindakan bersepadu antara semua agensi amat diperlukan bagi menangani isu ini secara kolektif berlandaskan bidang kuasa perundangan masing-masing. Menerusi Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Menangani Pencemaran Sumber Air yang telah diwujudkan di peringkat negeri, satu rangka kerja jangka masa pendek dan panjang bagi menangani pencemaran sumber air Negeri Selangor sedang disediakan yang melibatkan kesemua agensi-agensi berkaitan.

Berikutan negara sedang mengalami musim panas dan kering sehingga bulan Oktober, pembakaran terbuka yang berpotensi menyebabkan jerebu dan kemerosotan kualiti udara hendaklah dielakkan sama sekali.

Ini terutama kepada kawasan-kawasan hutan, tanah gambut, tanah pertanian dan tapak pelupusan sampah haram di negeri Selangor yang sering dan mudah untuk terbakar. Justeru, kawasan-kawasan ini hendaklah dipantau dengan rapi oleh pihak-pihak yang berwajib dan pemilik-pemilik tanah agar tidak berlaku pencerobohan untuk melakukan pembakaran secara terbuka.

Sungai merupakan nadi kehidupan dan menjadi aset penjana ekonomi di Negeri Selangor. Pembangunan yang pesat di lembangan sungai telah memberikan kesan terhadap kuantiti dan kemerosotan kualiti air sungai berpunca dari pelbagai aktiviti ekonomi di persekitarannya.

Pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam memastikan sungai diurus dengan baik dengan melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu / *Integrated River Basin Management* (IRBM) yang memerlukan penglibatan semua pihak bagi menjamin kelestarian sumber air dan selaras dengan *Sustainable Development Goals* (SDGs) di peringkat global.

Konservasi yang terancang dengan penglibatan pelbagai pihak merupakan aspek utama dalam memastikan sasaran peningkatan kualiti air sungai dan juga ekosistem persekitarannya. Pembangunan *Blue Print* Pemuliharaan Sungai Negeri Selangor (2020-2025) akan dijalankan, melibatkan pelbagai peringkat seperti pendidikan alam sekitar

## 16 MAC 2020 (ISNIN)

dengan kolaborasi Institusi Pendidikan dan NGO dalam konservasi sungai; program Konvensyen Rakan Sungai Negeri Selangor, Program Sungai Angkat Negeri Selangor, Konsep *Goes Green* dalam pembangunan sepanjang sungai di samping kempen dan promosi konservasi sungai secara berterusan melalui media sosial.

Sehingga kini, dianggarkan Enam Belas (16) “Friends of River” diwujudkan di Lembangan Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang pada tahun 2019. Konsep ‘Gotong Royong’ secara mingguan yang dilaksanakan antara tonggak utama dalam memastikan kesepaduan dan kesinambungan berterusan antara semua pihak dalam aktiviti konservasi di sepanjang sungai yang secara tidak langsung meningkatkan rasa kepunyaan kepada sungai. Sasaran Dua Puluh Satu (21) Friends Of River akan diwujudkan dengan kerjasama pelbagai pihak pada tahun 2020.

Pembangunan bandar yang strategik menjadikan Negeri Selangor kekal menjadi pilihan penempatan warga bandar. Dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat di Negeri Selangor, Beta difahamkan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2 juta) yang akan disalurkan kepada Persatuan-persatuan Penduduk melalui Pihak Berkuasa Tempatan sebagai satu geran komuniti bagi meningkatkan aspek-aspek keselamatan serta memberikan kesedaran kepada komuniti setempat tentang kepentingan mewujudkan suasana tempat tinggal yang selamat, aman dan harmoni.

Beta dimaklumkan bahawa dalam Belanjawan Selangor 2020, Kerajaan Negeri berhasrat menambah jumlah CCTV kepada Lima Ribu (5,000) unit di seluruh Negeri serta bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia bagi pelaksanaan Skim Polis Bantuan di PBT. Beta berkenan dengan langkah dan inisiatif Kerajaan Negeri ini untuk mewujudkan negeri yang selamat didiami oleh rakyat jelata. Kesusahan hidup golongan miskin bandar diberi perhatian istimewa oleh pentadbiran ini melalui program Food Bank Selangor dengan dana permulaan RM5 juta.

Bagi menjadikan keupayaan umat Islam yang berilmu dan bertamadun, peranan Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS) akan dikembangkan. ILDAS bukan sahaja sebagai institusi latihan yang melatih pegawai-pegawai JAIS tetapi ia juga akan digunakan untuk menyelaraskan perkara-perkara mengenai kajian Islam, pengawasan ilmu teras dan pendidikan inklusif, pusat Islamisasi dan transformasi, pusat bahasa dan antarabangsa dan pusat pengurusan standard dan inovasi serta pusat pendidikan Al-Quran. Selain itu juga, menjelang pertengahan 2020, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah akan diupayakan sebagai pusat hab Al-Quran Negeri Selangor.

Dalam menjadikan institusi masjid dan surau sebagai pusat pengupayaan ummah, masjid dan surau akan difungsikan sebagai pusat ibadah, pusat ilmu, pusat dakwah dan pusat *social responsibility concern* pelbagai golongan masyarakat sekitar.

## 16 MAC 2020 (ISNIN)

Sepanjang tahun 2019, Negeri Selangor telah mendapat penghargaan sebagai Negeri yang menerima pelaburan tertinggi. Negeri Selangor juga mendapat anugerah 'Juara Bebas Rasuah' daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, pengiktirafan Bangunan Rendah Karbon dan menaiktaraf Majlis Perbandaran Subang kepada Majlis Bandaraya Subang.

Ini menunjukkan betapa perkhidmatan awam Selangor boleh menjadi tanda aras kepada agensi-agensi lain sama ada di peringkat Negeri atau Persekutuan.

Beta berkenan dengan saranan Memanda Dato' Menteri Besar Selangor supaya perubahan paradigma penjawat awam dilakukan agar lebih berdaya saing, penolakan kepada mentaliti sebagai pembangkang dan budaya nilai-nilai kerja yang baik seperti berintegriti, bertanggungjawab, dan peduli rakyat wajar diterapkan dalam cara kerja Perkhidmatan Awam Selangor sehingga para penjawat awam negeri ini menjadi *outstanding* dan terkemuka.

Sesungguhnya Negeri Selangor ini adalah negeri yang makmur dan aman, dikurniakan masyarakat berbilang bangsa, agama dan adat resam. Perpaduan dan keharmonian ini adalah aset negeri yang harus dipertahankan dan dipelihara agar menjamin kestabilan dan kesentosaan negeri. Beta berkenan dan memandang serius agar seluruh rakyat jelata di Negeri Selangor ini terus mengekalkan keharmonian dan kemakmuran yang dikecapi dengan mengukuhkan lagi perpaduan yang telah lama terjalin di antara berbilang bangsa dan agama.

Rakyat Beta hendaklah sentiasa menghormati di antara satu sama lain dan tidak membesarkan perkara-perkara yang menyentuh sensitiviti sesuatu agama, kaum, bangsa atau keturunan yang boleh menggugat keharmonian. Gunakanlah kemajuan teknologi yang ada sekarang ini untuk perkara-perkara yang positif dan boleh menyumbang kepada perpaduan masyarakat dan bukannya untuk menyebarkan fitnah dan berita palsu serta menghina seseorang yang boleh menyebabkan perpecahan masyarakat.

Beta berharap agar Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat berbahas dengan produktif, membicarakan topik yang bermanfaat, mengutarakan isu-isu semasa dan cabaran yang mendatang serta mencambah buah fikiran yang bernas demi kesejahteraan rakyat yang Beta kasihi.

Di kesempatan ini juga suka Beta menasihati Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian agar sentiasa memelihara kestabilan politik dan pentadbiran Negeri Selangor ini. Rakyat sebenarnya telah penat dan gelisah melihat pergolakan politik yang melanda Negara semenjak selepas pilihanraya ke 14 yang lalu sehinggalah ke hari ini.

## **16 MAC 2020 (ISNIN)**

Ahli-ahli politik dilihat sering kali berbalah di dalam isu-isu politik yang tiada berkesudahan sehingga melupakan tanggungjawab sebenar mereka untuk melaksanakan amanah yang diberikan oleh rakyat untuk mentadbir Negeri bagi faedah kesejahteraan rakyat. Kita semua sedia maklum, betapa rakyat pada ketika ini sedang mengalami kesempitan hidup yang amat sangat dengan kos sara hidup yang semakin hari semakin meningkat akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia, matawang ringgit yang semakin merudum, peluang pekerjaan yang semakin mengecil mengakibatkan pengangguran meningkat dan terakhir sekali penularan wabak covid 19 yang melanda dunia tatkala ini.

Di dalam menghadapi krisis dan kemelesetan ini, rakyat di Negeri Selangor memerlukan tumpuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam menyelesaikan segala permasalahan bagi memastikan rakyat dapat keluar daripada kesempitan hidup. Ini akan hanya dapat dicapai dengan melahirkan idea-idea bagi melaksanakan dasar-dasar yang boleh memangkin pertumbuhan ekonomi yang mampan dan menguntungkan rakyat, bukannya sibuk berbalah di dalam merebut kuasa dan kedudukan. Wakil rakyat dipilih oleh rakyat adalah untuk bekerja serta berkhidmat membantu rakyat demi memastikan rakyat dapat mencapai kemakmuran serta menikmati kekayaan Negeri Selangor.

Beta tidak mahu ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempunyai hasrat dan niat untuk mengucar-kacirkan pentadbiran dan pemerintahan Negeri Selangor ini. Beta mahu Ahli-ahli Yang Berhormat berusaha di dalam memastikan kestabilan politik di Negeri Beta sentiasa terpelihara demi kesejahteraan rakyat Beta di Selangor.

Baru-baru ini kita telah melihat perubahan kepada tampuk pemerintahan Kerajaan Persekutuan yang diterajui oleh kerajaan Perikatan Nasional bagi menggantikan kerajaan Pakatan Harapan. Beta sendiri telah mengikuti perkembangan perubahan kuasa tersebut yang telah dilaksanakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan cukup berhati-hati dan selepas perundingan yang teliti dan terbuka diadakan, selaras dengan peruntukan yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan

Tohmahan berkaitan pembentukan kerajaan Persekutuan ini sebagai sebuah kerajaan pintu belakang ataupun satu rampasan kuasa adalah tidak bertepatan sama sekali dan ianya hendaklah segera dihentikan kerana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah diberi kuasa untuk menggunakan budi bicara Baginda sebagaimana yang diperuntukkan di dalam undang-undang.

Walaupun kerajaan negeri Selangor diterajui oleh kerajaan Pakatan Harapan namun demi kelangsungan pembangunan ekonomi dan kemakmuran rakyat Negeri Selangor, Beta mengharapkan satu kerjasama yang erat dapat dijalinan di antara kerajaan Negeri Selangor dan kerajaan Persekutuan. Beta tidak mahu disebabkan perbezaan

## 16 MAC 2020 (ISNIN)

tampok pemerintahan dan ideologi politik akan menyebabkan rakyat Negeri Selangor terpinggir di dalam arus pembangunan ekonomi dan sosial.

Beta sedar, dalam menegakkan pemerintahan berkonsepkan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, Institusi Raja tidak sepatutnya dilihat terlibat secara langsung dengan isu-isu yang berkaitan dengan politik dan seharusnya kekal sebagai sebuah badan yang mengatasi politik "*above politics*".

Namun demikian, sebagai Sultan di Negeri Beta, Beta bertanggungjawab untuk menasihati Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian agar tidak melakukan sesuatu tindakan yang tidak bertanggungjawab yang boleh merugikan rakyat Beta.

Di sini Beta ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Pasukan Bomba dan Penyelamat serta anggota keselamatan yang telah bertugas dengan penuh dedikasi bagi memastikan keselamatan rakyat dan Negeri Selangor terus didalam keadaan aman dan sejahtera.

Akhirnya, Beta berdoa semoga Negeri Selangor dan seluruh rakyat yang Beta kasihi hidup didalam keadaan yang damai dan tenteram di bumi yang bertuah ini serta sentiasa dilimpahi rahmat dan mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Beta mengucapkan selamat bersidang.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**TUAN SPEAKER :** Demikian tadi Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Patik bagi pihak Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor sekalian menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga hari Selasa, 17 Mac 2020, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Dengan hormatnya dijemput Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor diiringi Al-Fadhil Imam Paduka Tuan dan Sahibul Fadhilah Imam Besar Masjid Negeri Selangor untuk membacakan Doa Selamat setelah sempurnanya Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor merasmikan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas.

**( DATO' SERI UTAMA DIRAJA MUFTI SELANGOR MEMBACA DOA )**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, diiringi Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor meninggalkan Dewan Mesyuarat.

**16 MAC 2020 (ISNIN)**

**( D.Y.M.M. Sultan Selangor, D.Y.M.M. Tengku Permaisuri Selangor, dan D.Y.T.M Raja Muda Selangor berangkat dari Dewan Mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Dengan segala hormatnya dijemput semua hadirin ke lobi Bangunan Dewan Negeri Selangor bagi mengiringi keberangkatan pulang Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, diiringi Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor. Sekian, terima kasih.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi )**